

28/05/2003

BPMB agih kredit mikro Jun

Suffian A Bakar

BANK Pertanian Malaysia Bhd (BPMB), yang diamanahkan mengendali RM500 juta daripada RM1 bilion dana Skim Kredit Mikro akan mula menawarkan pinjaman kepada peniaga kecil selewat-lewatnya akhir bulan depan.

Pengurus Besar BPMB, Datuk Mohd Rosli Abdul Aziz, berkata pihaknya akan mencadangkan jumlah pinjaman mengikut Skim Kredit Mikro itu ditetapkan di antara RM10,000 dan RM50,000.

"BPMB akan membentangkan cadangan ini kepada Kementerian Kewangan esok," kata beliau selepas mempengerusikan mesyuarat pengurusan bank itu, di Kuala Lumpur, kelmarin.

Mohd Rosli berkata, selepas itu BPMB akan bermesyuarat dengan beberapa agensi termasuk Kementerian Pertanian, Jabatan Haiwan, Jabatan Perikanan dan Jabatan Pertanian.

"Mesyuarat itu bertujuan mendapatkan maklum balas mereka mengenai butiran terperinci dan cara yang terbaik untuk menyalurkan pinjaman daripada skim itu.

"Selepas mengenal pasti butiran terperinci syarat dan pelaksanaan itu, BPMB akan membentangkannya kepada Kementerian Kewangan sekali lagi, untuk mendapat kelulusan," katanya.

Mohd Rosli berkata, pihaknya juga mencadangkan jumlah pinjaman yang dikeluarkan menerusi skim itu boleh ditingkatkan mengikut keperluan pembiayaan.

"Ini bertujuan mengatasi kelemahan sedia ada dalam penyaluran pinjaman oleh institusi kewangan kepada peniaga kecil sehingga mereka mendapatkan khidmat peminjam wang haram atau along.

"Walaupun bank memenuhi kuota pinjaman bagi peniaga kecil dan sederhana, kelemahan penyaluran menyebabkan masalah kewangan golongan itu gagal diatasi," katanya.

Mohd Rosli berkata, walaupun syarat pinjaman skim itu longgar, BPMB akan membuat penelitian bagi memastikan hanya mereka yang layak dan mampu membayar semula pinjaman, diberi kemudahan itu.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika membentangkan Pakej Strategi Baru bernilai RM7.3 bilion 21 Mei lalu, mengumumkan peruntukan RM1 bilion bagi Skim Kredit Mikro untuk membantu peniaga kecil mendapatkan laluan pembiayaan mudah.

Daripada jumlah itu, RM500 juta akan dikendalikan BPMB, RM300 juta oleh Bank Simpanan Nasional (BSN) manakala RM200 juta lagi diperuntukkan kepada Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM).

Antara ciri utama Skim Kredit Mikro itu ialah kadar faedah pinjaman

empat peratus dengan pembayaran balik yang bergantung kepada daya maju serta mudah tunai peminjam.

Pinjaman itu juga tidak memerlukan cagaran tetapi berasaskan kepada pensekuritian aliran tunai perniagaan peminjam.

Ditanya mengenai AIM, yang sebelum ini di bawah Kementerian Pembangunan

Luar Bandar, Mohd Rosli berkata, ia adalah keputusan Perdana Menteri dan enggan mengulas lanjut mengenainya.

Difahamkan, langkah meletakkan dana RM200 juta kepada itu menerusi BPM dibuat bagi membolehkan ia diuruskan secara lebih berkesan dan mampu mencapai matlamat sebenarnya.

Selain RM500 juta dana Skim Kredit Mikro dan RM200 juta AIM itu, BPMB turut menerima peruntukan tambahan RM1 bilion bagi pinjaman Tabung Untuk Makanan (TUM).

Mohd Rosli berkata, dana itu adalah lanjutan skim yang dilancarkan pada 1993 dengan BPMB menjadi satu daripada agensi yang paling banyak banyak menyalurkannya.

"Sehingga Disember lalu, kami menyalurkan 70 peratus atau RM910 juta daripada keseluruhan RM1.3 bilion dana TUM dan itulah antara sebab kami diperuntukkan RM1 bilion lagi," katanya.

"Dana itu sudah habis digunakan Disember lalu. Kira-kira 4,000 peminjam sudah mendapat manfaat dengan sektor ternakan adalah penerima paling tinggi," katanya.